

181 INDIVIDU TERIMA DARJAH DAN PINGAT KEBESARAN PAHANG

LIPIS, 15 JUN 2023 : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan berangkat mengurniakan darjah dan pingat kebesaran kepada 181 penerima sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-63 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang bertempat di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah di sini hari ini.

Mendahului senarai penerima ialah Profesor Dr. Kamarul Hawari Ghazali yang merupakan antara 20 penerima Darjah Setia Ahmad Shah Pahang (SAP).

Antara penerima SAP adalah Profesor Madya Dr. Nor Hasbiah Ubaidullah, Dr. Hasniza Ahmad Zakaria, Dr. Sugumar K. Palaniandy dan Encik Ho Fong Mee.

Seramai 22 individu telah dikurnia Darjah Setia Mahkota Pahang (SMP) antaranya Dr. Fauzi Azmi, Tuan Haji Rasid Muhamad, Dr. Kunalan Kuriaya, Encik Lee Ah Wong, Encik Subramaniam Narayanan, Dr. Sharmila Mohamed Salleh dan Encik Muhammad Mokhtar Samat.

Manakala seramai 17 penerima pula telah dikurniakan Darjah Ahli Ahmad Shah Pahang (AAP) kepada YBhg. Datin Nur Diyana Muhammad Isror, Leftenan Kolonel Amrul Yacob, ASP (B) Mahmudin Mat Daud, Mejar Dr. Tanya Anirudhan, Encik Chong Chin Siong dan Koperal Syahrulnizam Mahidin @ Mahasan.

Seramai 32 penerima pula dikurniakan Darjah Ahli Mahkota Pahang (AMP) antaranya ialah Leftenan Kolonel Kharul Azmi Mohamed, Komander Kamal Nor Kamdan, TLDM, Encik Amir Marwan Muhamad Kasim, Encik Lian Choong Seng, Encik Ghanis Subramaniam, Mejar Farah Diba Ahmad Rostam, Encik Mohd Jamil Hashim dan Encik Hussaini Haji Ibrahim.

Bagi Pingat Khidmat Cemerlang (PKC) pula telah dikurniakan kepada 18 individu antaranya ialah Encik Razhar Othman, Encik Nadarajan V. Sinnappan, Sarjan Mohd Ariffin Zakaria, Sarjan Mohamad Shahmi Alaudin Sapuan dan Puan Radha Annamalay.

Pingat Gagah Perwira (PGP) pula telah dikurniakan kepada tiga individu iaitu SAC (B) Mohamed Raby Abu Bakar, Sarjan Muhd Akram Che Hussin dan Koperal Mohd Suhaimi Md Razali.

Manakala Pingat Kelakuan Terpuji (PKT) dikurniakan kepada 25 penerima antaranya Encik Abdul Rahman Jusoh, Encik Heng Yuck Meng, Encik Ganesan Gangaiah, Sarjan Khalil Puteh Abas, Koperal Yunus Hamat dan Encik Abdullah Hashim Kamaluddin.

Manakala 44 individu menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) antaranya Encik Othman Ismail, Puan Zabariah Razali, Encik Afizal Ahmad Pahmin, Encik Yussri Abdul Rashid, Encik Subramaniam Danapal dan Encik Zamrah Abu Bakar.

Turut berangkat ialah Yang Amat Mulia Tengku Arif Bendahara Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail bersama isteri, Datin Sri Dato' Hajah Burhah Mohammed, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Indera Zulkifli Yaacob, Sahibus Saadah Timbalan Mufti Negeri Pahang, Dato' Haji Badli Shah Alauddin, Yang Dipertua Dewan Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Haji Mohd Sharkar Haji Shamsuddin dan barisan Exco Pahang. – **PAHANGMEDIA**

Oleh :
Foto : Putera Falliq Hakim Suhairi

Fansurina

Abdullah

(LIPUTAN GAMBAR)



